

**Tapak, Reka Bentuk Pembinaan Sekolah Baharu Di Pantai Timur Akan Dikaji - Muhyiddin Bernama Jan 12, 2015**

CYBERJAYA, 12 Jan (Bernama) -- Tapak serta reka bentuk sekolah yang bakal dibangunkan pada masa depan terutama di negeri-negeri Pantai Timur akan diteliti dengan mendalam sebagai persediaan menghadapi banjir, kata Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Muhyiddin yang juga Menteri Pendidikan berkata ini penting memandangkan sekolah-sekolah di Pantai Timur sering dilanda banjir pada setiap hujung tahun selain dijadikan pusat pemindahan banjir bagi penduduk yang terjejas.

"Ini (banjir tahun ini) pengalaman yang agak pahit bagi kita. Sebab itu kita perlu teliti tapak dan design (reka bentuk) sekolah yang nak dibina kerana selain menjadi pusat pendidikan ia juga tanggung beban ketika musim banjir.

"Memang setiap tahun negeri-negeri di Pantai Timur alami banjir, tapi setiap tahun, darjah kerosakan akibat banjir itu berbeza," katanya dalam sidang media selepas melakukan tinjauan hari pertama sesi persekolahan 2015 di Sekolah Kebangsaan Cyberjaya dan Sekolah Menengah Cyberjaya di sini, hari ini.

Muhyiddin berkata antara reka bentuk yang mungkin dikaji adalah penempatan bilik makmal serta bilik komputer yang kebanyakannya terletak di aras bawah bangunan sekolah.

"Bila berlaku banjir, akan berlaku kesukaran untuk memindahkan peralatan di bilik-bilik ini ke tingkat atas sehingga mengakibatkan rosak dan menyebabkan kos kerugian yang besar.

"Maka mungkin lebih baik bilik makmal dan bilik komputer ini diletakkan di tingkat satu atau lebih tinggi," katanya.

Muhyiddin berkata kerajaan juga akan mengkaji kemungkinan menggunakan bahan seperti plastik tahan lasak atau besi bagi peralatan kerusi dan meja di sekolah-sekolah di Pantai Timur untuk mengurangkan jumlah dan kos kerosakan akibat banjir.

Beliau berkata penggunaan bahan seperti plastik dan besi juga lebih murah dari segi kos selain mudah untuk dihasilkan berbanding menggunakan kayu.

"Mungkin negeri-negeri di Pantai Timur tak boleh guna meja dan kerusi daripada kayu kerana kalau banjir ia akan musnah ataupun bila kering selepas banjir ia tidak boleh

digunakan lagi," katanya.

Sementara itu, timbalan perdana menteri berkata pengumuman keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2014 tetap akan dibuat pada 3 Mac ini walaupun berlaku kelewatan dalam proses penandaan dan pemeriksaan kertas jawapan disebabkan banjir.

"Tiada sebarang laporan mengenai kertas jawapan SPM musnah akibat banjir baru-baru ini, yang berlaku cuma sedikit kelewatan dalam membuat semakan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1099908>